

**Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK**  
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[WAQF CONTRIBUTION IN ASSISTING WOMEN'S DEVELOPMENT IN MALAYSIA]**

**SUMBANGAN WAKAF DALAM MEMBANTU PEMBANGUNAN WANITA DI MALAYSIA**

FARHANA MOHAMAD SUHAIMI<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

\*Corresponding Author: farhanams@usim.edu.my

Received Date: 15 May 2021 • Accepted Date: 15 June 2021

**Abstract**

The role of women is not only limited to the formation of a harmonious family but also contributes to the socio-economic development of a country. Focus should be given to women to empower the community to build a productive and prosperous society, as well as children, youth and the elderly. The same goes for waqf projects that aim at sustainable community development. Therefore, the objective of this paper is to see how existing waqf projects contribute in efforts to develop women in Malaysia. The study conducted was a qualitative study and data were obtained through document analysis. The results of the study found that waqf has benefited women in various aspects, including education, health, economy and welfare. Various initiatives are also implemented so that the waqf projects launched meet the needs of the community.

**Keywords:** wakaf management, wakaf, women, cash wakaf.

**Abstrak**

Peranan wanita bukan sahaja terhad kepada pembentukan keluarga yang harmoni tetapi juga menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi sesebuah negara. Tumpuan perlu diberikan kepada golongan wanita bagi memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera, selain kanak-kanak, belia dan warga emas. Begitu juga dalam projek wakaf yang bermatlamatkan pembangunan masyarakat yang lestari. Oleh yang demikian, objektif kertas kerja ini adalah untuk melihat bagaimana projek wakaf sedia ada menyumbang dalam usaha membangunkan wanita di Malaysia. Kajian yang dijalankan adalah kajian berbentuk kualitatif dan data diperolehi melalui analisis dokumen. Hasil kajian mendapati wakaf telah memberi manfaat kepada golongan wanita dalam pelbagai aspek, merangkumi aspek pendidikan, kesihatan, ekonomi dan kebajikan. Pelbagai inisiatif juga dilaksanakan agar projek wakaf yang dilancarkan memenuhi keperluan masyarakat.

**Kata kunci:** pengurusan wakaf, wakaf, wanita, wakaf tunai

**Cite as:** Farhana Mohamad Suhaimi. 2021. [Waqf Contribution in Assisting Women's Development in Malaysia] Sumbangan Wakaf Dalam Membantu Pembangunan Wanita Di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(2): 100-108.

## PENDAHULUAN

Berwakaf adalah satu bentuk ibadah dengan menyerahkan sesuatu harta yang dimiliki untuk digunakan bagi tujuan kebaikan dengan niat sebagai ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Amalan berwakaf ini merupakan salah satu bentuk sedekah jariah yang mana pahalanya akan diberikan secara berterusan dan mengalir terus kepada pewakaf selagi mana harta yang diwakafkan dapat dimanfaatkan atau digunakan untuk tujuan kebaikan.

Berwakaf untuk tujuan mendekatkan diri kepada Allah dan melaksanakan kebaikan merupakan amalan yang amat digalakkan. Ini berdasarkan kepada galakan mengeluarkan harta (*infaq*) di jalan Allah, sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Baqarah, ayat 261.

مَئُلُّ الَّذِينَ يُنْفَقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَئُلُ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبَعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مَائِنَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَلِّعُ  
لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ

Maksudnya: Bandingan (pahala) orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seumpama sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai dan tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Dan ingatlah Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (kurnian-Nya) lagi Maha Mengetahui.

Rasulullah S.A.W juga amat menggalakkan umatnya supaya memperbanyakkan sedekah jariah sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ  
عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ: صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ، أَوْ عِلْمٌ يُتَسْقَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَذْكُرُ لَهُ.  
(رواه مسلم)

Maksudnya: Apabila matinya seseorang anak Adam itu maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah , ilmu yang dimanfaatkannya dan anak yang soleh yang sentiasa mendoakan kepada kedua ibu bapanya. (Hadis Riwayat Muslim)

## RUKUN WAKAF

Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, dengan tujuan untuk kebaikan dan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah S.W.T. Berbeza dengan sedekah, harta yang diwakafkan perlu mempunyai sifat tahan lama dan boleh dimanfaatkan secara berterusan. Rukun wakaf mengandungi empat perkara, iaitu *sighah*

(pernyataan wakaf), *waqif* (pewakaf), *mawquf ‘alaih* (penerima wakaf) dan *mawquf* (harta yang diwakafkan) seperti dalam Jadual 1 (Suhaimi & Rahman, 2012).

Jadual 1: Rukun wakaf

Rukun wakaf	Penerangan
1) <i>Sighah</i> (pernyataan wakaf)	Pernyataan wakaf yang dibuat sama ada secara lisan, tulisan bersama lafaz ataupun isyarat.
2) <i>Waqif</i> (pewakaf)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memiliki secara penuh harta yang ingin diwakafkan.</li> <li>• Sempurna akal fikiran dan waras pemikirannya.</li> <li>• Baligh.</li> <li>• Pilihan sendiri untuk berwakaf dan tidak dipaksa</li> </ul>
3) <i>Mawquf</i> (harta yang diwakafkan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Harta itu boleh diambil manfaatnya/dimanfaatkan.</li> <li>• Mempunyai nilai harga iaitu bernilai.</li> <li>• Milik sempurna oleh orang yang berwakaf.</li> <li>• Diwakafkan untuk tujuan yang baik sahaja dan tidak menyalahi syarak.</li> </ul>
4) <i>Mawquf ‘alaih</i> (penerima wakaf)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang yang boleh untuk memiliki harta</li> <li>• manfaat wakaf sebagai hal <i>taqarrub</i> (mendekatkan diri) kepada Allah S.W.T dan perkara kebaikan.</li> </ul>

## WAKAF DI MALAYSIA

Di Malaysia, urusan pentadbiran dan pengurusan wakaf telah diletakkan secara jelas di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri atau Enakmen Wakaf Negeri-negeri yang telah memperuntukkan kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri sebagai Pemegang Amanah Tunggal.

Bentuk wakaf yang dilaksanakan di Malaysia terbahagi kepada wakaf am dan wakaf khas yang terdiri dalam bentuk tanah, bangunan, emas, atau wang tunai. Antara produk wakaf kontemporari yang ditawarkan oleh beberapa institusi wakaf di Malaysia adalah seperti berikut.

1. Wakaf tunai iaitu berwakaf dengan menggunakan wang. Kaedah ini lebih mudah, fleksibel memandangkan pada masa sekarang, kebanyakan masyarakat tidak mempunyai lebihan aset kekal seperti tanah dan bangunan yang boleh digunakan untuk diwakafkan. Kaedah ini membuka lebih banyak peluang untuk setiap lapisan masyarakat menyumbang dalam wakaf. Wang yang diwakafkan dikumpulkan dan kemudiannya akan ditukarkan kepada aset kekal. Keharusan wakaf tunai ini telah diputuskan dalam Akademi Fiqh Islam Sedunia (2004) dan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (2007).

2. Wakaf emas iaitu berwakaf dengan aset seperti barang kemas atau kepingan emas.
3. Saham wakaf iaitu berwakaf dalam bentuk saham atau bahagian dengan nilai tertentu kepada pemegang amanah wakaf. Saham yang telah dibeli kemudiannya ditukarkan (*diistibdalkan*) dengan aset kekal.
4. Wakaf seni iaitu merupakan hasil daripada industri seni atau royalti yang diwakafkan. Ini bagi menggalakkan ibadah berwakaf di kalangan masyarakat terutamanya golongan artis, penyanyi, pelakon, pengarah filem atau drama, penulis lirik, pelukis, penulis.
5. Wakaf mushaf al-Quran iaitu mewakafkan naskah al-Quran.
6. Wakaf saham pula dilakukan dengan mewakafkan sejumlah saham yang dimiliki oleh individu atau syarikat dengan mengagihkan bahagian keuntungannya.

Kepelbagaiannya produk wakaf memberi peluang kepada pewakaf tidak kira lelaki atau wanita untuk memilih apa yang hendak diwakafkan dan untuk tujuan apa sebagaimana yang ditawarkan oleh institusi wakaf. Ini dapat menggalakkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti berwakaf dan memupuk budaya mengambil berat dan prihatin dengan keperluan masyarakat sekeliling.

## **PENGLIBATAN WANITA DALAM AMALAN BERWAKAF**

Penglibatan wanita dalam amalan berwakaf telah wujud sekian lama berdasarkan sejarah, malah amalan berwakaf golongan wanita juga telah memberi impak yang hebat. Sebagai contoh amalan berwakaf yang terkenal dan sering menjadi sebutan adalah pewakafan Imaret oleh Hurrem Sultan iaitu isteri kepada Sulayman I ketika zaman pemerintahan Uthmaniyyah. Imaret merupakan sebuah pusat penyediaan makanan percuma kepada golongan fakir miskin. Selain itu, terusan wakaf ‘Ayn Zubaydah dari Baghdad ke Makkah yang dibina pada zaman Khalifah Harun al-Rashid serta pembangunan Masjid Qarawiyyin di Fez, Maghribi oleh Fatima al-Fihri yang kemudiannya berkembang menjadi sebuah universiti. Universiti Qarawiyyin merupakan salah satu universiti yang tertua di dunia (Farhana, 2019).

Begitu juga dengan penglibatan wanita dalam amalan berwakaf di Malaysia sememangnya telah ada berdasarkan beberapa rekod penglibatan wanita sebagai pewakaf, dengan mewakafkan harta berbentuk tanah, rumah, bangunan dan tunai (Farhana & Asmak, 2020). Antara tanah yang diwakafkan adalah tanah pertanian, contohnya wakaf oleh Hajah Rahmah Haji Said. Lokasi tanah yang diwakafkan terletak di Jalan Gombak merupakan tanah wakaf am dan diuruskan oleh Bahagian Baitulmal, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) (Zainal Abidin, 1999). Selain itu, di Pulau Pinang, tanah yang diwakafkan oleh Seetee Aishah Mahmood pada 30 September 1901, kini telah berjaya dibangunkan sebanyak 76 unit rumah teres dua tingkat dengan harga RM 281,000 hingga RM 439,000. Projek perumahan atas tanah wakaf ini turut menempatkan sebuah pusat perniagaan yang mengandungi 27 unit kedai (sembilan unit kedai tiga tingkat) (Hydzulkifli & Asmak, 2012).

Manakala wakaf dalam bentuk rumah pula diwakafkan antaranya oleh Datin Hajah Habibah Abdul Malik dan Datin Hajah Zabedah Osman yang terletak di Wilayah Persekutuan. Rumah yang diwakafkan telah diuruskan oleh Bahagian Baitulmal, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Terdapat juga pewakaf wanita Toh Puan Cha, yang telah

mewakafkan bangunan telah disewakan dan merupakan harta wakaf yang berpotensi untuk dimajukan untuk kegunaan rumah kedai atau pejabat (Mohd Yusof, 1999).

Pelancaran produk wakaf khusus bagi golongan wanita iaitu Wakaf Emas (2013) oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), juga menerusi pengalaman PWS, melihat kepada sambutan wakaf yang amat menggalakkan daripada golongan wanita di Selangor. Justeru, PWS juga telah melancarkan Bulan Wakaf bersama Wanita bagi mempromosikan Wakaf Emas ini yang dilihat mempunyai potensi yang besar dalam mempergiatkan lagi amalan berwakaf di Selangor (Utusan Malaysia, 2013). Ini juga bagi meraikan keperluan dan kemudahan buat golongan wanita berwakaf, memandangkan kebiasaan wanita mempunyai barang kemas menerusi hantaran perkahwinan atau warisan daripada ibu dan nenek mereka.

Amalan kebaikan ini dapat menjadi inspirasi dan menggalakkan lagi masyarakat terutamanya di kalangan wanita yang berkemampuan untuk turut sama berwakaf memandangkan potensi wakaf yang besar dalam membangunkan ekonomi negara.

## **SUMBANGAN WAKAF KEPADA PEMBANGUNAN WANITA**

Di Malaysia, sumbangan para pewakaf dalam mewakafkan harta untuk dimanfaatkan oleh masyarakat secara amnya tanpa mengira jantina, merangkumi pelbagai aspek iaitu pendidikan, kesihatan, pembangunan ekonomi dan kebajikan masyarakat. Kebanyakan sumbangan pewakaf ini telah dibangunkan dan diuruskan oleh pemegang amanah, Majlis Agama Islam Negeri-negeri atau wakil yang dilantik dan digunakan untuk kebaikan atau berdasarkan hasrat pewakaf. Namun, artikel ini hanya akan melihat aspek sumbangan wakaf yang hanya melibatkan golongan wanita sebagai mereka yang menerima manfaat daripada sumbangan wakaf ini.

Dalam aspek pendidikan, wakaf dilaksanakan dalam bentuk tanah, bangunan, rumah, kelengkapan atau wang yang digunakan bagi membiayai pembangunan sekolah, madrasah atau pondok yang merupakan pusat pendidikan samada di peringkat rendah mahupun menengah. Antara bentuk wakaf pendidikan yang lain juga adalah wakaf asrama pelajar, wakaf biasiswa, wakaf saraan dan wakaf alat pembelajaran seperti buku, meja dan lain-lain. Ahmad Zaki et al. (2008) mendapati terdapat 175 buah institusi pendidikan wakaf di Malaysia dengan rekod menunjukkan madrasah yang terawal didirikan atas tanah wakaf ialah Madrasah al-Attas, Pekan, Pahang atau sekarang dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama al-Attas, Pekan, Pahang yang telah diwakafkan oleh al-Habib Hassan al-Attas. Bagaimanapun ada juga yang berpendapat bahawa Madrasah al-Masriyah, Bukit Mertajam, Seberang Prai, Pulau Pinang yang diasaskan oleh Tuan Guru Hj Salleh al-Masri (Mohd Syakir Mohd Taib et al., 2017). Secara umumnya, kebiasaan institusi wakaf pendidikan ini turut menyediakan kemudahan pendidikan bukan sahaja kepada pelajar lelaki, malah kepada pelajar perempuan juga. Ini memandangkan pendidikan merupakan komponen keperluan asas dalam kehidupan bagi setiap individu. Pendidikan penting dalam usaha membangunkan masyarakat ke arah kehidupan yang lebih baik.

Selain pendidikan di peringkat sekolah, terdapat juga sebuah Akademi Kulinari Terengganu yang dibangunkan atas tanah wakaf milik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) di Pulau Kerengga Marang Terengganu dengan pembiayaan sebanyak RM2.5 juta melalui peruntukan Bajet 2010 Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Akademi ini

diuruskan oleh YWM melalui Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) dan antara kursus yang ditawarkan dalam akademi ini ialah bidang Confectionary & Bakery selama 6 bulan berserta asrama sepenuh masa kepada anak-anak asnaf MAIDAM yang berumur 15 tahun ke atas. Bermula daripada tahun 2012 sehingga 2019, seramai hampir 372 anak-anak asnaf daripada negeri Terengganu telah berjaya menamatkan latihan di akademi ini termasuk pelajar perempuan (YWM, 2021). Kursus ini membantu pelatih mendapatkan latihan untuk meningkatkan peluang pekerjaan atau menceburi bidang perniagaan bakeri selepas berjaya menjalani latihan. Ini dapat membantu mereka menyara kehidupan sendiri, membantu keluarga dan meningkatkan taraf hidup ke arah yang lebih baik.

Wakaf pendidikan juga tidak terhad kepada pelajar sekolah, terdapat juga institusi pendidikan lain yang disediakan menerusi wakaf untuk pendidikan warga emas. Pusat Pengajian Warga Emas yang ditubuhkan khusus bagi manfaat golongan wanita di Wilayah Persekutuan, diberi nama Darul Ilmi ini telah diwakafkan oleh Ir Mohd Mazlan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Darul Ilmi ditubuhkan sebagai institusi yang menyediakan pendidikan mengikut sistem pondok kepada warga emas wanita yang berminat untuk mendalami ilmu agama. Pengajian Islam secara kaedah pondok moden dan penginapan turut disediakan. Darul Ilmi telah mula beroperasi pada 12 Mac 2012 dengan penghuni seramai 5 orang dan sehingga kini penghuni mencecah jumlah maksimum 20 orang (MAIWP, 2020). Pendidikan untuk warga emas memberi nilai tambah kepada golongan wanita warga emas selain dapat meningkatkan kefahaman dalam ilmu agama dan mengisi masa dengan aktiviti yang bermanfaat.

Dalam aspek kesihatan, sumbangan wakaf kepada golongan wanita di Malaysia dapat dilihat menerusi perkhidmatan yang diterima daripada Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) dan Pusat Dialisis. Dengan kekuatan sebanyak 21 buah KWAN yang memberi perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat. Sebanyak 1,887,574 rawatan telah diberikan kepada pesakit di rangkaian KWAN sehingga 30 September 2020 dan seramai 350 pesakit buah pinggang telah menerima manfaat rawatan di pusat dialisis ini. Setiap pesakit akan dikenakan bayaran sebanyak RM5 setiap kali rawatan termasuk bayaran ubat. Bagi rawatan hemodialisis pula, setiap pesakit akan dikenakan bayaran sebanyak RM90 setiap kali rawatan. Baki kos sebenar akan ditanggung oleh Dana Waqaf An-Nur. Bagi tahun 2020, sebanyak RM225,050 telah disumbangkan untuk tujuan kesihatan (WANCorp, 2021). Selain itu, wakaf katil yang dilancarkan oleh MAIK melalui wakaf kesihatan turut membantu dan meringankan beban golongan wanita sama ada sebagai pesakit atau pun sebagai penjaga kepada pesakit. Dengan kemudahan wakaf katil, pengurusan pesakit yang terbaring dan tidak dapat bangun dapat diuruskan lebih mudah dan baik. Sehingga 24 Ogos 2020, MAIK telah mempunyai 10 katil wakaf dan telah dimanfaatkan kepada lebih 25 orang pesakit (MAIK, 2021). Kemudahan bantuan yang disediakan dapat membantu golongan wanita mendapatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan dan meringankan beban mereka untuk membayai kos rawatan dan ubatan serta menyediakan kelengkapan perubatan seperti katil pesakit.

Dalam aspek ekonomi pula, WANCorp menerusi Waqaf Dana Niaga (WDN) iaitu program pinjaman kebajikan (*Qardul Hasan*) dimanfaatkan bagi membantu usahawan yang memerlukan modal bagi menjalankan perniagaan dan memajukannya. Terdapat tiga peringkat kemudahan bantuan yang disediakan iaitu Semai Bisnes berjumlah RM3,000, Tunas Bisnes

berjumlah RM5,000 dan Mekar Bisnes berjumlah RM7,000. Pada tahun 2009, misalnya daripada 122 orang usahawan dengan pinjaman berjumlah RM247,750.00, seramai 92 orang penerima atau 75% adalah golongan wanita yang mendapat manfaat daripada kemudahan ini (Laporan Tahunan WANCorp, 2009). Sehingga Disember 2019, 464 pembiayaan berjumlah RM1,143,376 telah diagihkan kepada usahawan mikro di seluruh daerah di Johor (WANCorp, 2021).

Selain kemudahan bantuan modal, golongan wanita turut mendapat manfaat menerusi penyediaan pusat kemahiran jahitan antaranya yang telah dibangunkan oleh WANCorp. Pusat kemahiran jahitan telah beroperasi sejak 2014 yang menyasarkan ibu tunggal bagi melatih mereka untuk menjana pendapatan agar dapat menaiktaraf kehidupan mereka. Terdapat dua buah pusat kemahiran jahitan di Taman Bukit Dahlia, Pasir Gudang dan Taman Bukit Tiram, Ulu Tiram, Johor. Bekas pelatih juga diberi peluang memulakan perniagaan melalui Program Inkubator di premis-premis ini. Ini bagi menggalakkan usahawan baru ini untuk memajukan perniagaan masing-masing di samping dapat menyediakan peluang pekerjaan baru. Seramai 12 orang telah menjalani latihan jahitan pada tahun 2019 (WANCorp, 2021).

Dalam aspek kebijakan, sumbangan wakaf memberi manfaat kepada golongan wanita menerusi penubuhan Pusat Perlindungan Wanita bawah Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dengan peruntukan sebanyak RM 10 juta di bawah Rancangan Malaysia ke- 9 oleh Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR). Pusat perlindungan wanita ini menyediakan khidmat didikan agama dan bimbingan kerohanian kepada pelatih yang mengalami masalah pengabaian keluarga, penderaan dan penganiayaan, permasalahan akidah atau dengan perintah mahkamah untuk kembali ke pangkal jalan. Pusat ini turut menyediakan aktiviti kemahiran sebagai persediaan selepas tamat tempoh menghuni di PPW (MAIJ, 2021). Kewujudan pusat perlindungan wanita membantu golongan wanita yang memerlukan bantuan dan sokongan untuk membina semula kehidupan mereka dan bangkit menjadi insan yang lebih baik seterusnya menyumbang kepada masyarakat.

Kesimpulannya, sumbangan wakaf terhadap pembangunan wanita meliputi aspek pendidikan, kesihatan, pembangunan ekonomi dan kebijakan. Sumbangan wakaf yang membiayai pembangunan infrastruktur dan penyediaan perkhidmatan kepada masyarakat khususnya golongan wanita membantu mereka untuk menjalani kehidupan yang lebih baik dan meningkatkan taraf hidup diri dan keluarga. Selari dengan maqasid wakaf untuk menyebarkan kebaikan, sumbangan wakaf ini seharusnya terus dimanfaatkan kepada lebih ramai golongan wanita. Inovasi produk wakaf seperti yang dilaksanakan oleh Yayasan Waqaf Malaysia juga perlu diberi perhatian dan dihebahkan agar masyarakat dapat menyertai sebagai penyumbang dan juga dimanfaatkan oleh lebih ramai orang.

## **KESIMPULAN**

Wakaf yang merupakan sedekah berterusan, bukan sahaja membolehkan pewakaf mendapat pahala berterusan, malah penerima wakaf turut mendapat faedah berterusan. Penggunaan wakaf juga tidak terbatas kepada golongan sosial tertentu dan boleh dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat. Penggunaan harta wakaf yang bermatlamatkan kebijakan dan kepada perkara-perkara yang diharuskan oleh Syarak, mengharuskan wakaf digunakan untuk pelbagai tujuan

selagi mana tidak melanggar Syariah dan mencapai objektif wakaf iaitu untuk kebaikan.

Banyak aspek pembangunan masyarakat dan kebaikan yang boleh diterokai menerusi wakaf, namun apa yang penting, adalah peranan masyarakat untuk menghidupkan dan membudayakan amalan wakaf, bersama-sama menggembung usaha menggalakkan amalan berwakaf dalam masyarakat. Peningkatan sumbangan wakaf akan memperluaskan lagi golongan yang dapat menerima manfaat darinya.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Zaki et al. 2008. Pengurusan harta wakaf dan potensinya ke arah kemajuan pendidikan umat Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2, 2(2008): 25-62
- Farhana Mohamad Suhaimi. 2019. Amalan berwakaf di kalangan wanita. Dlm. Contemporary Issues: Islam & Science, hlm. 177-193. Bandar Baru Nilai: USIM Press
- Farhana Mohamad Suhaimi & Asmak Ab Rahman. 2020. Women's Involvement in Developing Waqf in Malaysia. Dlm. Toseef Azid & Jennifer L Ward-Batts (Eds.). *Economic Empowerment of Women in the Islamic World*, hlm. 369-391. t.t.p.: World Scientific.
- Hydzulkifli Hashim & Asmak Ab. Rahman. 2012. Pengurusan pembangunan harta wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) terhadap wakaf Seetee Aishah. *International Journal of Management Studies* 19(2): 103-123.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) (2021). <https://www.e-maiik.my/v2/index.php/ms/arkib/keratan-akhbar-media/keratan-akhbar-2020/1206-sinar-harian-wakaf-kesihatan-bantu-ringan-beban.html>. Diakses pada 20 Mac 2021
- Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) (2021). <https://www.maij.gov.my/wakaf/pusat-perlindungan-wanita>. Diakses pada 20 Mac 2021
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) (2020). <https://www.facebook.com/maiwpqh/photos/a.765022856889375/3711695172222114/>. Diakses pada 20 Mac 2021
- Mohd Syakir Mohd Taib, Wan Kamal Mujani, Noor Inayah Yaakub & Mohamad Khairul Izwan Rifin. 2017. Wakaf pendidikan di Malaysia: Suatu pengenalan. Mohd Nasran Mohamad, (Eds.) *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*, hal. 389-393.
- Mohd Yusof Yahya. 1999. Pengurusan wakaf di Perak: Amalan dan perancangan. Dalam. Nik Mustapha Nik Hassan (Ed.). *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, hal. 65-104. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Suhaimi, F. M., & Rahman, A. A. 2012. Perkembangan wakaf tunai dan potensi sumbangannya dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam. t.t.p.: t.pt.
- Utusan Malaysia. 2013. PWS perluas konsep wakaf. 12 April 2013. Diakses pada 20 Mac 2021. [http://m.utusan.com.my/Bicara\\_Agama/20130412/ba\\_02/PWS-perluas-konsep-wakaf](http://m.utusan.com.my/Bicara_Agama/20130412/ba_02/PWS-perluas-konsep-wakaf)
- Waqaf An-Nur Corporation (WANCorp) (2021a). <http://wancorp.com.my/laporan/agihan-manfaat>. Diakses pada 20 Mac 2021
- Waqaf An-Nur Corporation (WANCorp) (2021b). <http://wancorp.com.my/content/Dana-Niaga>. Diakses pada 20 Mac 2021
- Waqaf An-Nur Corporation (WANCorp) (2021c). <http://wancorp.com.my/content/Pusat-Waqaf-Komuniti>. Diakses pada 20 Mac 2021

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) (2021). <https://www.ywm.gov.my/kulinari>. Diakses pada 20 Mac 2021

Zainal Abidin Jaafar. 1999. Pengurusan wakaf di Wilayah Persekutuan: Amalan dan perancangan. Dlm Nik Mustapha Nik Hassan (Ed.). *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, hal. 43-64. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).